

UniSZA sasar 200 pelajar asing dalam 2 tahun

KUALA TERENGGANU - Universiti Islam Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menasaskan sejumlah 200 pelajar asing akan menuntut di universiti itu dalam tempoh dua tahun lagi.

Naib Canselornya, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim memberitahu, bagi tujuan tersebut pihaknya sudah melakukan lawatan kerjasama dengan beberapa universiti di rantau Asia Tenggara.

unisza



"Ketika ini kita sudah mempunyai kira-kira 60 pelajar antarabangsa," katanya ketika ditemui pada majlis makan malam sempena Fiesta Sukan UniSZA - Kelab Wartawan Terengganu di sini kelmarin.

Menurutnya, antara prospek yang boleh dilihat ialah pelajar dari Indonesia kerana jumlah pelajar di sana yang ramai selain bidang pengajian di UniSZA sesuai dengan kehendak pelajar dari negara itu.

Jelasnya, pihaknya sudah mengadakan lawatan dan bertemu dengan Dinas Pendidikan Riau yang akan membuat lawatan balas dalam masa terdekat sebelum menghantar pelajar mereka.

"Baru-baru ini, kita ada menerima lawatan wakil dari Aceh dan satu perjanjian persefahaman telah ditandatangani untuk tujuan sama," katanya.

Jelasnya, selain dua wilayah berkenaan, pihaknya turut mengintai peluang dari Sulawesi dan Palembang dan untuk tujuan itu, pihaknya merancang untuk mengadakan lawatan ke Indonesia.

"Selain itu, kita juga bakal menerima pelajar dari Brunei dan kita jangka seramai 30 pelajar dari negara itu akan melanjutkan pelajaran di UniSZA pada kemasukan semester baru September nanti," katanya.

Menurut Yahaya, antara bidang yang menarik minat pelajar berkenaan ialah pengajian Islam, pengurusan Islam, perbankan, perakaunan dan kewangan Islam.



UniSZA rai petugas media

PENGHARGAAN. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) meraikan petugas media pada majlis makan malam sempena Fiesta Sukan UniSZA - Kelab Wartawan Terengganu (Kawat) baru-baru ini.

Pada majlis itu, Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim menyampaikan hadiah kepada pemenang fiesta sukan yang menyaksikan

atlet Kawat berjaya mengungguli tiga daripada empat jenis sukan yang dipertandingkan.

Kawat berjaya meraih kemenangan dalam acara badminton, baling dan tenis meja manakala UniSZA pula memenangi acara futsal.

Turut hadir pada majlis itu ialah Presiden Kawat, Ayob Mamat.

YAHAYA (berdiri, tujuh dari kanan) bergambar bersama petugas media di Kuala Terengganu baru-baru ini.